

RANCANGAN HIBURAN DI TELEVISYEN: KE ARAH PEMINGGIRAN 'BAHASA JIWA BANGSA'

Nasihah Hashim, Nuraini Yusoff, PhD, Marzalina Mansor, Faizah Ahmad, Ainal Akmar Ahmad

Emel: h.nasihah@uum.edu.my / nuraini@uum.edu.my / marzalina@uum.edu.my /
ainal@uum.edu.my / a.faizah@uum.edu.my
Tel : 04-9284892 / 3429 /4842 /4428 /4861

Abstrak

Faktor utama yang dikenal pasti dalam pembentukan tamadun manusia ialah agama dan bahasa (Braudel, 1993; Huntington, 1996; T. A. Ridwan, 2004). Kini, tamadun manusia boleh dikatakan berada di puncak kegemilangan, namun agama dan bahasa tetap menunjangi pembentukan modal insan yang menjana ketamadunan tersebut. Tidak hairanlah seandainya sesuatu tamadun akan terhakis dengan terhakisnya bahasa, dan bangsa akan pupus dengan pupusnya bahasa. Justeru, dalam makalah ini akan ditinjau aspek pembangunan modal insan dari sudut penggunaan bahasa Melayu di televisyen. Umum sedia maklum bahawa televisyen antara media yang berkesan untuk mempengaruhi masyarakat khususnya golongan remaja dan pelajar. Pandangan ini turut disokong oleh pelbagai dapatan penyelidikan. Jadi, sejauh manakah slogan 'Bahasa Jiwa Bangsa' mendapat sokongan daripada media? Hakikatnya bahasa bukan sahaja melibatkan kata-kata tetapi merangkumi keseluruhan roh dunia bangsa Melayu. Kemusykilan ini telah mendorong pengkaji meneliti rancangan-rancangan hiburan di televisyen. Rancangan-rancangan tersebut ialah *Melodi*, *Sempurnakan Harimu*, *Muzik Muzik*, *Mencari Cinta*, *Terjah*, *Galaksi*, dan *Fuhh*.. Kajian mendapati bahawa pengacara dan tetamu yang terlibat turut meminggirkan kemurnian bahasa Melayu. Peminggiran bahasa tersebut dapat dikategorikan seperti berikut, iaitu tatabahasa, bahasa rojak, bahasa slanga dan kesantunan bahasa. Perkara ini tidak boleh dipandang remeh kerana dalam tahun 2010 didapati semakin banyak rancangan hiburan yang lebih 'berani' diterbitkan berbanding lima tahun yang lalu. Oleh yang demikian, pembangunan modal insan menuntut supaya pihak media khususnya penerbit-penerbit rancangan hiburan untuk bertanggungjawab dalam melestarikan kemurnian bahasa melalui pendidikan tidak formal ini agar tidak bersubahat dalam peminggiran 'Bahasa Jiwa Bangsa'.

Kata kunci: rancangan hiburan televisyen, tatabahasa, bahasa rojak, bahasa slanga, kesantunan bahasa

Pengenalan

Saya begitu bangga dan teruja sekali apabila menyaksikan malam kemuncak Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri baru-baru ini. Perasaan itu timbul bukan semata-mata menyaksikan rekod 56 peserta mewakili 51 negara bertanding, malah melihat kepetahan mereka bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik sekali....Apa yang jelas, pertandingan pidato baru-baru ini menggambarkan kepada kita bagaimana bahasa Melayu berpotensi untuk diantarabangsakan di mata dunia jika kita mempunyai iltizam dan komitmen tinggi.

(Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin, Menteri Pengajian Tinggi, 2010, hlm 16)

Gambaran dan harapan yang dikemukakan oleh Datuk Seri Mohamed Khalid Nordin, merupakan sebuah impian yang mampu digapai kerana sejarah telah

membuktikan bahawa bahasa Melayu telah wujud melebihi 2000 tahun yang lalu (Asmah Haji Omar, 1999; A. Aziz Deraman, 2000), dan mampu berfungsi sebagai *lingua franca* (bahasa perantaraan) di kepulauan Melayu (A. Aziz Deraman, 2000). Kekuatan dari segi angka penuturnya tidak dapat dinafikan kerana kini terdapat seramai 300 juta penutur bahasa Melayu di seluruh dunia. Di samping itu pelbagai usaha murni dilaksanakan untuk mengantarabangsakan bahasa Melayu di persada dunia seperti penubuhan Kursi Pengajian Melayu di Leiden University, Belanda; Ohio University di Amerika Syarikat; Victoria University of Wellington di New Zealand, dan di University Hankuk, Korea.. Selain itu, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia turut giat menggesa pelajar antarabangsa negara ini menguasai bahasa Melayu demi mempercepatkan proses mengembangkan bahasa tersebut dalam kalangan masyarakat global (Norliza Abdullah, 2010). Usaha proaktif ini dapat

membantu negara memartabatkan bahasa Melayu kerana pelajar antarabangsa merupakan aset paling berharga dalam merealisasikan usaha tersebut.

Namun, dalam kita menuju ke persada dunia, kita perlu juga melihat apa yang sedang berlaku di persekitaran kita. Tidak dinafikan penggunaan bahasa Melayu kini di Malaysia begitu meluas, namun rata-rata penuturnya tidak atau tidak dapat menggunakan bahasa Melayu dengan baik sehingga kemurniannya terjejas. Salah satu faktor penyebab berlakunya keadaan ini ialah kemajuan teknologi SMS. Berdasarkan kajian Supyan Husain (2005) didapati bahawa penggunaan bahasa Melayu dalam SMS telah mewujudkan generasi yang mencipta cara komunikasi bertulis yang pantas. Ini akibat daripada pengehadan masa, ruang untuk teks, dan wang maka generasi muda mula mencipta kod penulisan yang baru. Justeru, teknologi SMS telah merosakkan keindahan bahasa yang menyebabkan berlakunya pencemaran bahasa Melayu.

Salah satu faktor lagi yang menyebabkan terjadi pencemaran bahasa ialah proses meminjam kata daripada bahasa asing. Hal ini tidak menimbulkan masalah sekiranya setiap unsur yang dipinjam itu diterima masuk dengan kaedah dan peraturan yang telah ditetapkan. Namun kebanyakan bahasa kini dipinjam dan dicampuradukkan sesuka hati sehingga menyebabkan terjadinya pencemaran bahasa.

Masyarakat seni juga turut terlibat dalam pencemaran bahasa yang diperkatakan ini. Perkara ini tidak menghairankan kerana seperti karya sastera yang dilihat sebagai dokumen sosiobudaya (Swingewood, 1972), karya seni juga merupakan dokumen realiti sosiobudaya sesuatu masyarakat. Kini kita dapat melihat karyawan seni seperti penulis lirik lagu memasukkan perkataan bahasa Inggeris dan menggunakan bahasa yang bercampur aduk ke dalam lirik lagu mereka seperti lagu *Seksis*, *Jangan Nakal*, *Kantoi* dan *I'm The Lucky One*. Terdapat juga anggota kumpulan yang mula memperkenalkan identiti mereka dengan nama yang tidak ada kemelayuannya seperti kumpulan *Bunkface*, *Meet Uncle Hussain* dan *Estranged*. Manakala karyawan filem pula menonjolkan filem mereka dengan judul filem dan drama yang nampak begitu hebat seperti *I'm Not Single*, *Los dan Faun*, *Datin WanAbe*, dan *Datin Diaries*. Pengukuhan cerminan masyarakat sedemikian rupa diharap tidak menjadi lingkaran-lingkaran yang bahangnya merosakkan bahasa Melayu.

Penyataan Masalah

Faktor utama yang dikenal pasti dalam pembentukan tamadun manusia ialah agama dan bahasa (Braudel, 1993; Huntington, 1996; T. A. Ridwan, 2004). Kini, tamadun manusia boleh dikatakan berada di puncak kegemilangan, namun agama dan bahasa tetap menunjangi pembentukan modal insan yang menjana ketamadunan tersebut. Tidak hairanlah seandainya sesuatu tamadun akan terhakis dengan terhakisnya bahasa, dan bangsa akan pupus dengan pupusnya bahasa. Peminggiran bahasa dalam kalangan pengamal bahasa sudah semestinya akan Menyebabkan pembentukan modal insan itu akan terjejas. Peminggiran bahasa kini boleh dilihat banyak berlaku di media massa sama ada media cetak mahupun media elektronik. Inilah hakikat yang berlaku kini.

Kita juga sedia maklum bahawa golongan remaja dan kanak-kanak amat meminati rancangan-rancangan hiburan. Dalam mengacara rancangan-rancangan hiburan pula, lazimnya pengacara akan menggunakan bahasa secara bebas. Inilah yang menyebabkan berlakunya pelbagai bentuk pencemaran bahasa seperti percampuran kod, pemilihan kosa kata yang kurang tepat/sesuai serta kadangkala muncul ketidaksantunan dalam berbahasa. Kebebasan menggunakan bahasa tanpa kawalan ini tidak sewajarnya berlaku kerana boleh menggugat proses pembentukan modal insan dan sekali gus meminggirkan penghayatan “Bahasa Jiwa Bangsa.”

Justeru, apa yang dipaparkan di televisyen menjadi realiti bahasa kepada penonton. Ini kerana pembelajaran bahasa berlaku dalam dua tahap, iaitu melalui pemerolehan (*acquired*) dan pembelajaran (*learned*). Pemerolehan bahasa bukan sahaja didapati di rumah, tetapi juga di persekitaran penutur (Nor Hashimah Jalaluddin, 2004). Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk meneliti sejauh mana wujud peminggiran bahasa Melayu dalam rancangan-rancangan hiburan di televisyen.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengetahui pasti pencemaran bahasa dalam rancangan-rancangan hiburan televisyen.
- ii. Mengkaji dan menganalisis bentuk-bentuk pencemaran bahasa dalam bidang pengacaraan.

- iii. Mengemukakan cadangan untuk mengurangkan pencemaran bahasa dalam siaran rancangan hiburan di televisyen.

Metodologi penyelidikan

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan. Mengikut Ary, Jacobs dan Ravariah (2002), analisis kandungan atau analisis dokumen merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengenal pasti ciri-ciri tertentu bahan yang dianalisis. Bahan-bahan tersebut boleh berbentuk bahan bertulis atau visual seperti buku, akhbar, ucapan, rancangan televisyen, iklan dan lain-lain yang berbentuk dokumen. Langkah atau tatacara yang perlu diikuti oleh penyelidik adalah dengan mengenal pasti fenomena yang akan dikaji, memilih bahan atau media yang akan dianalisis, membentuk kategori aturcara yang terperinci, menentukan bentuk pensampelan, dan akhir sekali menganalisis data.

Penyelidikan ini dimulakan dengan proses merakam rancangan hiburan yang telah dipilih. Seterusnya, penyelidik mentranskripsikan rancangan-rancangan yang telah dirakam. Kemudian, penyelidik menganalisis transkrip dan mengenal pasti kategori pencemaran yang muncul.

Sampel kajian

Sampel kajian yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah rakaman rancangan-rancangan hiburan terpilih yang berfokus pada pengacaraan rancangan-rancangan yang tersiar dalam televisyen. Rancangan-rancangan tersebut ialah *Melodi*, *Sempurnakan Harimu*, *Muzik Muzik*, *Mencari Cinta*, *Terjah*, *Galaksi*, dan *Fuhh* yang terpilih dan disiarkan pada tahun 2005, 2007 dan 2010.

Analisis dan perbincangan

Berdasarkan analisis yang dijalankan didapati bahawa terdapat empat aspek utama peminggiran bahasa dalam rancangan-rancangan yang dikaji, iaitu bahasa rojak, kesalahan tatabahasa, bahasa slanga dan kesantunan bahasa. Analisis ini meliputi pengacara dan juga pihak yang terlibat dalam rancangan yang terpilih.

Bahasa rojak

Dalam bahagian ini rancangan hiburan yang dipilih dianalisis berdasarkan perkataan bahasa Inggeris dalam bentuk kata, frasa dan ayat yang disulam ke dalam bahasa Melayu yang digunakan oleh pengacara, pengulas dan peserta yang terlibat. Unsur-unsur percampuran kod ini mengakibatkan wujudnya bahasa rojak. Kata-kata dan frasa bahasa Inggeris yang dikenal pasti sebenarnya boleh diganti dengan kata, frasa dan ayat dalam bahasa Melayu yang sesuai berdasarkan konteks ungkapan yang dibuat.

Berikut disenaraikan beberapa contoh bahasa rojak:

1. ZZ: Ada ketika kita boleh *share*, ada ketika kita tak boleh *share*. –Galaksi, 2010
2. DD: Kita kena bagus *communicate* dengan orang la, *I mean I hope* orang faham. – Galaksi, 2010
3. AA: Jom kita tengok apakah hobi artis-artis Malaysia apabila diorang tak ada *job*, *shooting*, apabila diorang duduk-duduk di rumah? – Fuhh, 2010
4. ID: Saya akan *window shopping*, jalan-jalan di IKEA. Kalau saya *tension*, *stress* saya akan menikmati pemandangan di sekitar IKEA. – Fuhh, 2010
5. E: Kami tak kisah sapa yang nak dulu, mak kata jodoh jangan *stop-stop*. –Terjah, 2010
6. E: E tak memilih mungkin tak ada *chemistry*. *E always long distance*. – Terjah, 2010
7. AM: Macam gadis yang *sweet-sweet* dia akan *change*. – Fuhh, 2010
8. C: F, *you have an announcement to make* kan. - Muzik Muzik, 2007
9. Artis :*Yes! I'm back! And you're still with me*, R di Melodi. – Melodi, 2005
10. D: *She seems to be pleased to see* kehadiran Z, macam dia kata hey apa khabar? *She doesn't seems surprised but she seems pleased. Maybe, maybe* dia rasa syukurlah yang Z dapat diserap balik. - Mencari Cinta, 2005

Daripada analisis data dapat dirumuskan bahawa pengacara dan peserta yang terlibat mencampuradukkan bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris sewenang-wenangnya dan lebih banyak mencampuradukkan bahasa Inggeris ke dalam bahasa Melayu dan tidak sebaliknya. Sementara itu, pengacara dan artis juga didapati menggandakan perkataan-perkataan bahasa Inggeris tertentu seperti perkataan *stop-stop*, *musician-musician*, dan *sweet-sweet*.

Selain itu, berdasarkan penelitian yang dijalankan terhadap rancangan-rancangan hiburan terpilih didapati kata ganti nama diri orang pertama dan kedua dalam bahasa Inggeris, iaitu *I* dan *You* banyak digunakan untuk menggantikan kata ganti nama diri orang pertama dan kedua dalam bahasa Melayu. “Dalam bahasa Melayu kata ganti nama diri orang pertama, iaitu saya, aku, beta, patik, kami dan kita. Manakala kata ganti nama diri orang kedua saudara, kamu, awak, engkau dan anda” (Nik Safiah Karim, *et al.*, 1997, hlm.89).

Kesalahan Tatabahasa

Dalam kajian ini, penelitian dibuat terhadap aspek-aspek kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam pengacaraan sesebuah rancangan hiburan. Daripada analisis yang dijalankan didapati aspek-aspek kesalahan tatabahasa yang paling ketara ialah penggunaan imbuhan. Buku tatabahasa pegangan, iaitu *Tatabahasa Dewan Edisi Baru* (Nik Safiah *et al.*, 1997), dijadikan pegangan untuk menjalankan analisis.

Berikut dipaparkan beberapa contoh kesalahan tatabahasa berdasarkan analisis yang dibuat:

1. Ada penontonnya sendiri, ada *crowdnya* sendiri. – Fuhh, 2010
2. ...*memaintainkan* diri kita. –Galaksi, 2010
3. ...pernah ‘menerbit’ rancangan ini suatu ketika dahulu -Muzik Muzik, 2005
4. ...sebab setiap masa ke semasa kita mesti *improvekan* diri. - Muzik Muzik, 2005
5. ...ceria-ceria, ceria kita *berhappy* ye. - Sempurnakan Harimu, 2005
6. ...lapan puluh peratus yang cukup merbahaya untuk saingan beliau. - Muzik Muzik, 2005
7. ...tapi orang sebelah tolong menjawab untuk anda... -Sempurnakan Harimu, 2005
8. *I even* tak terlibat dalam buat keputusan tu kan. -Mencari Cinta, 2005
9. Daripada jumlah yang bakal anda membawa pulang ... -Sempurnakan Harimu, 2005
10. . *as compered to before thiskan*. Lagipun *things are a bit more openkan*...- Mencari cinta, 2005

Dalam bahasa Melayu terdapat tiga bentuk imbuhan yang amat produktif, iaitu awalan, akhiran dan apitan. Melalui tiga cara

ini ribuan perkataan terbentuk. Oleh itu, salah satu aspek yang perlu dikuasai untuk menggunakan bahasa Melayu dengan baik ialah sistem pengimbuhan. Bahkan, kebanyakan kesalahan yang dibuat oleh para pengguna bahasa Melayu, sama ada penutur asli atau sebaliknya, berkait dengan penggunaan imbuhan. Analisis kajian menunjukkan terdapat banyak bentuk kesalahan penggunaan imbuhan dalam rancangan-rancangan hiburan yang dikaji. Antaranya dapat dilihat pada contoh 3 yang merupakan ayat transitif. Oleh itu, perkataan ‘menerbit’ dalam ayat di atas sepatutnya diberikan imbuhan –kan, iaitu menerbitkan.

Mengikut *Tatabahasa Dewan* (Nik Safiah *et al.*, 1997):

Kata kerja yang terbentuk dengan apitan meN-...-kan ialah kata kerja transitif, iaitu yang digunakan sebagai unsur predikat yang memerlukan objek atau penyambut dalam ayat-ayat transitif aktif. Apitan meN-...-kan yang digunakan membawa maksud membuat sesuatu yang terkandung dalam kata kerja dasar (hlm. 18).

Kajian ini juga mendapati pengacara rancangan-rancangan hiburan cenderung untuk menggabungkan perkataan Inggeris dengan imbuhan Melayu. Ini merupakan satu bentuk pencemaran bahasa yang tidak sepatutnya dilakukan oleh pengacara semasa mengendalikan rancangan-rancangan hiburan. Terdapat juga contoh-contoh seperti *crowdnya*, *memaintankan*, *improvekan*, *berposing*, *berhappy* dan *thiskan* dan *openkan* seperti yang dipaparkan.

Sementara contoh 6 menunjukkan perkataan ‘merbahaya’ menggunakan imbuhan yang salah. Awalan yang sepatutnya digunakan ialah beR- yang membawa pengertian mempunyai bahaya. Walaupun pada kebanyakan orang perkataan ‘merbahaya’ dan ‘berbahaya’ itu bersinonim, hakikatnya awalan mer- tidak ada dalam mana-mana buku tatabahasa bahasa Melayu. (Awang Sariyan, 2005)

Contoh 7 pula menunjukkan kata dasar jawab tidak boleh digandingkan dengan awalan meN-. Ini kerana kata tersebut didahului dengan kata perintah yang diucapkan untuk menimbulkan sesuatu tindakan. Awalan meN- pula membawa maksud melakukan sesuatu. Gabungan kedua-duanya akan menjadikan ayat ini lewah. Ayat yang sepatutnya digunakan ialah “...tapi orang sebelah tolong jawab untuk anda...”

Perkataan 'buat' dalam contoh 8 pula perlu diimbuhkan dengan awalan meN- yang membawa maksud melakukan perbuatan. Ini kerana kata kerja transitif yang tidak memerlukan awalan meN-ada dua sahaja, iaitu makan dan minum. Manakala perkataan 'membawa' dalam contoh 9 sepatutnya digunakan 'bawa' sahaja kerana ayat tersebut merupakan ayat pasif.

Jelasnya, dari segi tatabahasa, dapatan kajian menunjukkan dalam mengacara, pengacara alpa dengan penggunaan imbuhan yang betul. Ada ketikanya imbuhan ditinggalkan dan ada ketikanya pula kata yang tidak sepatutnya diberi imbuhan diimbuhkan. Kesalahan penggunaan imbuhan juga menunjukkan pengacara banyak membuat kesalahan dari segi penggunaan kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif. Kajian ini juga mendapati pengacara rancangan-rancangan hiburan cenderung untuk menggabungkan perkataan Inggeris dengan imbuhan Melayu.

Bahasa slanga

Slanga merupakan salah satu bentuk bahasa terhad (*restricted language*), kerana mempunyai ciri-ciri tertentu dan hanya digunakan dan difahami oleh golongan tertentu (Nik Safiah Karim, 1992). Bahasa slanga tergolong dalam salah satu bentuk bahasa lisan yang digunakan oleh kumpulan-kumpulan sosial tertentu yang tidak rasmi. Lazimnya kumpulan-kumpulan tersebut mencipta kata yang dapat mengungkap maksud tertentu dalam lingkungan sosial tertentu. Perkataan-perkataan tersebut mempunyai maksud yang lain jika dilihat dari sudut harfiah. Penciptaannya bersifat semasa dan tidak dipakai di peringkat baku malah dianggap sebagai pencemaran bahasa (Md.Sidin Ahmad Ishak & Mohd. Saleeh Rahmat, 1998).

Berdasarkan kajian dapatlah dilihat bahawa terdapat banyak perkataan slanga yang digunakan secara jelas dan meluas dalam beberapa rancangan hiburan yang dikaji. Terdapat bahasa slanga yang telah diterima pakai oleh masyarakat dan digunakan secara meluas oleh masyarakat terutamanya remaja dan ada pula yang baru dicipta khusus untuk sesuatu rancangan. Berikut dipaparkan beberapa contoh daripada hasil dapatan kajian berkenaan penggunaan bahasa slanga dalam rancangan-rancangan yang telah dikaji.

Berikut beberapa contoh penggunaan bahasa slang:

1. Jom kita tengok apakah hobi artis-artis Malaysia apabila

diorang tak ada *job*, *shooting*, apabila **diorang** duduk-duduk di rumah? -Fuhh, 2010

2. *photographer* itupun kurang ajar, nak cakap mintak maaf pun tak, dia terus **blah** je, jalan je... - Galaksi, 2010
3. Dia ni memang **otai** berlakon. - Fuhh, 2010
4. Wow, Marsha tampil dengan gaun anggun gaya **gediknya**...opps.- Fuhh, 2010
5. Ada yang ok, ada yang **hancus**, kalau **hancus** kenapa datang? - Fuhh, 2010
6. ...Alhamdulillah kita dapat tembak **diorang** semua... - Mencari Cinta, 2005
7. ...**Kitorang** masih hidup lagi so memang takde pengganti. Tunggulah **kitorang** mati, baru ada pengganti. -Melodi, 2005
8. Mana nak minum dalam ni. Kau dah pandai? Dah, Jom kita tengok Ruffedge, bijak minum? Tak tahulah. **Zas!** -Melodi, 2005
9. ... Ahh ye.. pelakon cantik di sana. Yang ni pelakon antik. **Zas! Layan!**- Melodi, 2005
10. Eh takde takde! Hazami, Anuar Zain, Wahid.. **blah!** Gua rock! **Layan!** -Melodi, 2005
11. Gelek tu. **Fulamak.. caya la.** Apa dah jadi dengan **diorang** ni ek? -Melodi, 2005
12. Ha ni bukan cerita pasal senario tapi nak cerita kan pasal Adibah Nor yang telah muncul sebagai artis undangan dalam album senario 5 dan dengar ceritanya Adibah juga bakal menyiapkan album sulung beliau. Wah, caya la beb. -Melodi, 2005
13. Dahsyat **diorang** ni, *sporting* budak-budak ni, tu yang main **gempaq** tu bila artis dibawa menaiki Proton Savvy untuk naik ke pentas. -Melodi, 2005
14.huyoo.. **gempaq** ni.. **gempaq**. Mana dak nya? Konsert rock Maria **Otai** jam mengambilkan tempat generasi rock panas. -Melodi, 2005
15. **Fulamak** ganas tu... -Melodi, 2005
16. Oh, yang ni kena tanya **maco** sikit. Abang nama siapa bang? - Melodi, 2005

17. **Lu** nampak... **gua** nampak **lu** punya lubang hidung besar tau dak? **Lu** jangan dok main-main dengan **gua**. –Melodi, 2005
18. Jangan **gua** sekarang rock! **Lu** jangan main-main dengan **gua**. Ok? **Gua** rockers wanita terhebat dekat Malaysia ni. Sekarang ni orang-orang Kuantan datang dekat sini semata-mata nak tengok Farah Fauzana yang rockers. –Melodi, 2005

Berdasarkan kajian terdapat perkataan slanga yang merujuk kepada kata ganti nama. Antaranya ialah **diorang**, **kitorang**, **gua**, dan **lu**. Kata **kitorang** dan **diorang** digunakan secara meluas sebagai kata ganti nama diri yang menggantikan kata ganti nama diri kami dan mereka seperti yang ditunjukkan pada contoh 1, 6 dan 7 dalam jadual 3. Sementara perkataan **lu** dan **gua** merupakan kata ganti nama diri bagi masyarakat Cina. **Lu** bermakna awak, engkau, kamu dan **gua** pula membawa maksud saya atau aku. Kata ganti nama diri **lu** dan **gua** menjadi bahasa slanga apabila digunakan oleh masyarakat bukan Cina seperti dalam contoh 17 dan 18.

Selain itu, terdapat bentuk bahasa slanga yang dicipta dengan meringkaskan perkataan tersebut. Contohnya perkataan **caya la** yang ditafsirkan sebagai akuilah atau percayailah. Berdasarkan pentafsiran tersebut didapati bahawa perkataan **caya la** merupakan singkatan bagi percayalah. Menurut Kamus Dewan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 1181) kata percaya bermakna mengakui akan benarnya sesuatu. Manakala perkataan **otai** dalam contoh 3 tercipta daripada rangkai kata bahasa Inggeris, iaitu *old timer*.

Ada juga bahasa-bahasa slanga yang terdapat dalam rancangan-rancangan hiburan yang dikaji dibentuk daripada perkataan-perkataan bahasa Melayu standard tetapi diubah menjadi perkataan-perkataan slanga. Perkataan-perkataan tersebut membawa maksud yang sama dengan bahasa standard seperti perkataan **hancus** (hancur), dan gempaq (**gempaq**). Namun begitu dalam konteks slanga perkataan **hancus** dan **gempaq** diberikan makna yang menunjukkan hancur dan heboh yang melampau atau berlebihan.

Sementara itu, terdapat juga bentuk kata slanga yang dicipta khas untuk sesuatu rancangan bagi menunjukkan identiti pengacara seperti perkataan **zas** dan **layan** dalam rancangan *Melodi*. Perkataan ini diwujudkan sendiri oleh pengacara Melodi dan

digunakan secara meluas sebagai penutup ayat sebelum memulakan segmen lain. Matlamatnya, selain menghiburkan penonton secara tidak langsung perkataan **zas** dan **layan** dapat membezakan pengacara Rancangan *Melodi* dengan pengacara-pengacara rancangan lain. Peranan ini berbeza dengan makna sebenar **layan**, iaitu mengikut kata hati. Manakala perkataan **zas** tidak membawa sebarang maksud dalam bahasa Melayu standard.

Selain itu, penggunaan perkataan fulamak dalam bahasa slanga berperanan sebagai kata seru yang digunakan dalam situasi terkejut dan kagum. Dalam bahasa Melayu standard perkataan fulamak sama seperti kata wah atau amboi.

Perkataan *maco* pula berasal daripada perkataan bahasa Inggeris *macho*. Mengikut Kamus Dewan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 972) *maco* merupakan bahasa percakapan yang bermaksud tampak kelelahan sama ada dari segi penampilan, perawakan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kata *maco* masih dikategorikan slanga kerana tidak digunakan dalam bahasa tulisan yang standard.

Secara keseluruhannya analisis kajian menunjukkan bahawa bahasa slanga digunakan dengan meluas dalam rancangan-rancangan hiburan. Ini amat membimbangkan kerana rancangan-rancangan tersebut merupakan rancangan pilihan ramai. Ini bermakna para penonton akan terdedah dengan penggunaan bahasa-bahasa tersebut. Justeru, pihak media massa perlu mengatur strategi bagi mengatasi masalah penggunaan bahasa slanga dalam rancangan hiburan khususnya. Menurut Mohd. Amin Arshad (2000), walaupun bahasa slanga bersifat sementara namun, sekiranya penggunaan bahasa slanga tidak dibendung, terutama dari segi sistem pembentukan kata dan istilah, besar kemungkinannya akan turut menjejaskan status, kemurnian dan ciri penting bahasa Melayu, iaitu bahasa yang menekankan ciri kesopanan dan kesantunan berbahasa.

Kesantunan Berbahasa

Kesantunan biasanya dikaitkan dengan perlakuan dalam pertuturan yang bersopan dan beradab. Awang Sariyan (2007), menjelaskan bahawa kesantunan bahasa secara umum merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya. Kesantunan bahasa menjadi salah satu ciri penting bangsa yang bertamadun. Selain itu, dalam masyarakat

Melayu, kesantunan juga merujuk kepada cara berpakaian dan memelihara rupa diri, juga disarankan penuturnya mengawasi nada suara dan intonasi semasa berkomunikasi. Ini jelas menunjukkan bahawa dalam masyarakat Melayu kesantunan merupakan salah satu aspek yang ditekankan dalam kehidupan bermasyarakat.

Namun begitu sering kali terjadi ketidaksantunan berbahasa semasa berkomunikasi seperti yang dapat dilihat dalam rancangan-rancangan yang dikaji. Analisis dijalankan berdasarkan tiga jenis peraturan penggunaan bahasa yang digariskan oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar (2002), iaitu peraturan linguistik, sosiolinguistik dan pragmatik. Contoh daripada dapatan kajian seperti yang tertera di bawah:

1. Umie akan meninggalkan status daranya pada 14 Mac ini di Mekah. –Galaksi, 2010
2. Betul ke semua ni Datuk yang *support*(nada perli). – Galaksi, 2010
3. Kenapa Diana Daniel yang terpilih ek? Banyak lagi artis lain. –Galaksi, 2010
4. Ala bang, kalau dah duduk di Indonesia tu orang kata orang muda suka yang tua biasa la..yang tua nampak muda sebab jamu. Jamu kocok katanya. Kocok tu goncang.(Ketawa berdekah-dekah)
Kamu makan jamu ke? Tengok badan aku la bergetah.(Menunjukkan bentuk badan sambil ketawa) –Terjah, 2010
5. Selalu dengar tak lagu-lagu S?
Artis jongang tu.

(Memperlihatkan rupa jongang sambil ketawa berdekah-dekah)

Aku dengar banyak gosip

tentang dia.

Ala tengok serombong hidung kau la sah-sah boleh hidu gosip punya. – Terjah, 2010

6. S: E memang manja, jadi tak kisah ke orang kata geli tengok E manja, gedik je. –Terjah, 2010
7. Sebabnya semua penonton Melodi di sini hanya tau, penonton-penonton Melodi, peminat-peminat R di Malaysia semua teryanya-tanya sebab bila diorang dah tahu R dah

berkahwin... dan diorang tengok R semakin seksi! –Melodi, 2005

8. Siapa yang Yoyo? Siapa yang main yoyo?
Yoyo itu suami saya, dia...
Kaki pukul? Dia seorang kaki pukul... dia seorang kaki tendang sana, tendang sini... betul? – Melodi, 2005
9. Nanu, Nanu, Nanu, Na... (dalam nada menyanyi) –Melodi, 2005
10. Ni abang cakap dengan kau F.. kau ni tak payah nak kena tendang dah **senget**, belum kena tendang pun kau dah memang **senget**. –Melodi, 2005
11. Eiii... Tidak! Kita geli...
Apa yang engkau geli tu F?
Saya geli... janggut dia panjang sangat!
Ala... nanti kalau kau tumbuh janggut, abang pun geli tengok kau! –Melodi, 2005
12. Dan sekiranya anda menekan buzzer dan menjawab tepat tiga ratus ringgit menjadi milik anda dan sekiranya salah lima puluh ringgit akan dipotong dan sekiranya anda menekan buzzer tapi member sebelah **gatal** pulak nak jawab untuk anda ye. - Sempurnakan Harimu, 2005
13. Oh nak menjadi *lawyer*! Eh *lawyer* jangan jadi loyar buruk sudahlah ye.- Sempurnakan Harimu, 2005
14. F: Mangkuk betul... -Melodi, 2005
15. F: Eh takde takde! H, AZ, W...
blah! Gua rock! Layan! – Melodi, 2005

Ketidaksantunan berbahasa dalam rancangan-rancangan tersebut disebabkan konsep rancangan hiburan itu sendiri, iaitu menceritakan keadaan kehidupan artis-artis tempatan dan antarabangsa seperti rancangan *Melodi*, *Fuhh*, *Galaksi* dan *Terjah*. Oleh itu, rancangan tersebut akan menyentuh mengenai gosip artis yang kadangkala memasukkan unsur-unsur sindiran yang secara tidak langsung melupakan aspek-aspek kesantunan ketika berbicara. Keadaan ini juga berpunca kerana pengacara cuba menarik minat remaja untuk mengikuti rancangan tersebut. Oleh itu, penggunaan bahasanya cuba disesuaikan dengan golongan remaja.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa terdapat ketidaksantunan berbahasa

yang dilihat berdasarkan memek muka penutur. Ini dapat dilihat dalam contoh 4 dan 5. Keadaan ini menunjukkan kesantunan bukan sahaja dilihat melalui pemilihan kata yang digunakan semasa berkomunikasi, namun kesantunan juga dilihat melalui gerak badan yang melibatkan memek muka antara orang yang bercakap dan yang dilawan cakap. Ini termasuk tatabahasa atau tatacara berbahasa harus sesuai dengan norma-norma budaya sesuatu masyarakat yang menggunakan bahasa. Oleh itu, kesopanan bukanlah satu strategi semata-mata, tetapi lebih daripada itu, kesopanan yang di zahirkan merupakan ciri budaya yang menghendaki ahli-ahli masyarakat bersopan-santun antara satu sama lain dan menghormati sesama ahli masyarakat.

Selain itu, pengacara dan peserta yang terlibat dalam rancangan-rancangan hiburan yang dipilih juga didapati banyak menggunakan perkataan-perkataan yang tidak sesuai dan tidak sopan. Contohnya perkataan **blah** dalam contoh 15. Perkataan **blah** tidak sesuai digunakan dalam situasi tersebut kerana rancangan *Melodi* ini disaksikan oleh orang ramai dan ia disiarkan secara langsung. Perkataan **blah** merupakan bahasa yang kasar dan ia tidak sesuai dituturkan dalam rancangan tersebut yang ditonton oleh pelbagai lapisan masyarakat. Dikhuatiri ia akan menjadi ikutan kepada kanak-kanak apabila ada golongan kanak-kanak yang menonton rancangan tersebut. Ini kerana **blah** dalam konteks tersebut membawa maksud menyuruh pergi.

Contoh 7 pula menunjukkan ketidaksantunan pengacara memilih perkataan seksi dalam pertuturannya. Dalam situasi tersebut pengacara sepatutnya tidak menyebut perkataan seksi kerana seksi mempunyai pelbagai konotasi. Ini kerana seksi mengikut Kamus Dewan (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 1416) bermaksud menimbulkan nafsu syahwat, menggiurkan, memberahikan, mengghairahkan. Oleh itu, apabila pengacara menyebut perkataan tersebut ia akan membawa maksud yang tidak baik kepada orang tersebut dan juga penonton yang menonton rancangan *Melodi* ini.

Manakala perkataan **senget** dan **mangkuk** dalam contoh 10 dan 14 tidak sesuai digunakan kepada manusia kerana ia menggambarkan ketidaksopanan. Apabila **senget** digunakan ia menggambarkan seseorang itu tidak waras dan **mangkuk** pula menggambarkan seseorang itu sangat teruk. Istilah ini tidak terdapat di dalam Kamus Dewan kerana **senget** mengikut Kamus Dewan ialah tinggi sebelah, condong, miring, atau sendeng. (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005,

hlm. 1449). Manakala **mangkuk** pula selain daripada membawa maksud bekas yang dalam daripada tembikar, tempat mengisi lauk-pauk, mangkuk juga membawa maksud menghina atau mempermainkan seseorang, bodoh (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 993). Jadi apabila perkataan tersebut digunakan ia seolah-olah menggambarkan orang itu seorang yang bodoh.

Dalam konteks contoh 12 pula pengacara tidak sepatutnya menyebut perkataan **gatal** kerana perkataan **gatal** membawa maksud suka bergaul secara bebas dengan bernafsu (lelaki/perempuan), ataupun galak. Jadi apabila perkataan **gatal** disebut kepada peserta maka ia menunjukkan sesuatu yang tidak sopan.

Intonasi dan nada pengacara dan peserta yang seolah-olah mengejek, memperli, dan mempersendakan juga boleh memperlihatkan ketidaksantunan dalam bertutur. Situasi ini dapat diperlihatkan dalam contoh 1,2,3,8 dan 9. Dalam contoh 9, dialog tersebut tidak sesuai diucapkan kerana apabila pengacara menyebut nama **Nanu** secara bernyanyi-nyanyi ia seolah-olah mengejek dan mempersendakan nama **N** seperti gula-gula **Nano**.

Sementara itu, bagi contoh 11 ayat-ayat di atas memang tidak sesuai diutarakan dalam rancangan tersebut kerana ia seolah-olah menghina. Dalam konteks ini pengacara menyatakan dia geli melihat janggut **RH** yang panjang sangat. Sepatutnya pengacara tidak boleh berkata begitu kerana itu merupakan hak **RH** untuk berperwatakan begitu.

Secara amnya, kajian mendapati wujudnya ketidaksantunan dalam berbahasa yang dilakukan oleh pengacara ataupun tetamu jemputan dalam rancangan-rancangan yang dikaji. Ini menunjukkan bahawa pengacara tidak mengambil kira aspek kesantunan berkendala yang diutarakan oleh Asmah Hj. Omar (1996), iaitu pengacara sepatutnya melihat taraf dan peranan orang yang bercakap, di mana atau dalam keadaan bagaimana percakapan itu berlaku, apa yang dipercakapkan, mengapa percakapan itu berlaku dan cara percakapan disampaikan.

Kesimpulan dan Cadangan

Sebagai rumusannya didapati bahawa wujud gejala pencemaran bahasa dalam rancangan hiburan yang disiarkan di televisyen. Berlandaskan hakikat bahawa rancangan hiburan merupakan pilihan yang digemari oleh kanak-kanak, remaja, malah oleh orang dewasa, perkara ini tidak boleh

dipandang ringan. (Baran, & Davis, 2000; Rosidayu Haji Sabran, 2006)

Satu perkara yang harus ditekankan di sini ialah pencemaran bahasa ini dilakukan oleh penutur jati bahasa Melayu dan hal ini pernah disentuh oleh Armin Azhari Saleh, 2003, hlm. 5.) selaku Editor Dewan Bahasa:

Barangkali yang agak mendukacitakan juga ialah bahawa masih ada rakyat Malaysia, termasuk orang

Melayu, yang tidak menguasai bahasa kebangsaan yang betul. Akibatnya, berlakulah penyimpangan dalam

penggunaan bahasa, yang mengakibatkan terjadinya kesalahan, kesilapan, dan kekeliruan bahasa. Bagi

sesetengah orang, barangkali hal ini perkara kecil, tetapi dalam jangka masa panjang, hal ini mungkin akan

menjadi penyakit yang sukar diubati. Oleh sebab itu, eloklah dicegah sebelum parah.

Dalam bahasa, terakam sejarah dan budaya penuturnya. Sungguhpun pada asasnya bahasa Melayu merupakan pembawa budaya dan tradisi Melayu, tetapi apabila bahasa ini menjadi bahasa semua kaum di negara ini, maka bahasa ini juga akan merupakan tadahan sejarah dan budaya semua kaum itu. Cogan kata "Bahasa Jiwa Bangsa", membawa makna bahawa bahasa kebangsaan ialah jiwa bangsa Malaysia, bukan setakat jiwa orang Melayu sahaja (Asmah Haji Omar, 2002, hlm. 27).

Berdasarkan perbincangan yang dijelaskan, berikut dikemukakan cadangan untuk dipertimbangkan oleh pihak media khususnya stesen televisyen di Malaysia, Kementerian Penerangan, Dewan Bahasa dan Pustaka, dan para pendidik.

Stesen televisyen

Pihak penerbit rancangan harus lebih peka dengan rancangan-rancangan yang diterbitkan. Skrip rancangan yang akan diterbitkan perlulah diteliti terlebih dahulu supaya tidak berlaku kesalahan-kesalahan yang boleh menjejaskan kredibiliti stesen televisyen berkenaan. Contohnya pihak stesen terbabit boleh melantik panel penilai skrip supaya pemantauan dapat dijalankan dari semasa ke semasa. Stesen televisyen juga perlu fahami aspirasi budaya tempatan supaya dapat membentuk sahsiah masyarakat terutama golongan remaja. Keadaan ini turut dipandang serius oleh Dr Rasi Yatim yang mengatakan "tarikan televisyen sangat kuat dalam pembentukan sahsiah dan budaya. Jika stesen televisyen tidak bersama mengungkit keadaan

ini, maka kerugian amat besar bagi kita" (hlm. 15).

Kementerian Penerangan

Kementerian Penerangan seharusnya menyediakan satu garis panduan yang mantap kepada stesen televisyen Malaysia berkenaan penulisan skrip rancangan yang akan disiarkan. Ini bagi memastikan tidak berlakunya kesalahan-kesalahan yang tidak sepatutnya. Contohnya dapat dilihat dalam penggunaan perkataan 'infotainment'. Gabungan perkataan informasi dan *entertainment* ini dapat dipandang sebagai sebagai membenarkan pihak lain sewenang-wenangnya menggabungkan perkataan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Kata informasi dipinjam daripada bahasa Inggeris sebagai bahasa Melayu dan digabungkan dengan sebahagian kata *entertainment* yang kemudian membentuk kata 'infotainment'. Akibatnya pengamal bahasa akan menggunakan kata atau frasa menggabungkan kedua-dua bahasa seperti *improvekan*, iaitu gabungan kata *improve* dan partikel -kan. *Sure Heboh*, *Pasti can*, jualan *cheap*, sangat *happy*, dan lain-lain.

Dewan Bahasa dan Pustaka

Dewan Bahasa dan Pustaka (seterusnya akan ditulis DBP) sepatutnya diberi mandat untuk meneliti dan membetulkan kesilapan-kesilapan yang terdapat dalam skrip-skrip rancangan terbitan stesen televisyen di Malaysia. Selain itu, pihak DBP juga boleh menempatkan Munsyi Dewan di stesen-stesen televisyen untuk memantau dan memastikan tidak berlaku pencemaran bahasa yang serius dalam rancangan-rancangan yang diterbitkan.

Para Pendidik

Para pendidik tidak terhad kepada pendidik yang bertauliah sahaja. Ibu bapa juga merupakan pendidik yang akan membentuk anak menjadi manusia. Masa anak-anak banyak dihabiskan bersama ibu bapa daripada pendidik. Oleh itu, pengaruh televisyen tidak boleh dipandang remeh kerana media ini mempunyai pengaruh yang kuat terhadap keluarga dan masyarakat. Televisyen berupaya membantu seseorang mempelajari dan menguasai bahasa iaitu sama ada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris mahupun lain-lain bahasa. Malah seseorang dapat mempelajari dan menguasai bahasa rojak melalui televisyen. Oleh itu, ibu bapa harus memantau

perkembangan anak-anak supaya mereka dapat mempelajari sesuatu yang positif dan bukannya negatif melalui televisyen.

Rujukan

- Asmah Haji Omar (2002). *Setia dan santun bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ary, D., Jacobs, L. C., & Ravariah, A. (2002). *Introduction to research in education (6th ed.)*. California: Wadsworth/Thompson Learning.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2004). Sekitar isu 'bahasa rojak': Punca, kesan, dan kaedah menanganinya. *Siri Bicara Bahasa*, (18). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2005). *Tuntunan bahasa: Asas pegangan pelajar*. Petaling Jaya: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Baran, S. J., & Davis, D. K. (2000). *Mass communication theory: Foundations, ferment and future (2nd ed.)*. Belmont, California: Wadworth Thomson Learning.
- Braudel, F. (1993). *A history of civilizations (Penterjemah R. Mayne)*. New York: Penguin Books. (Buku asal diterbitkan pada tahun 1962).
- Huntington, S. P. (1996). The clash of civilizations?: The debate. *Foreign Affairs*, 72(3), 22-49.
- Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohd. Saleeh Rahmat. (1998). *Strategi bahasa: Panduan nahu dan retorik untuk penulisan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohamed Khalid Nordin. (2010, 8 Mac). Bahasa Melayu boleh diantarbangsakan. *Berita Harian*, hlm.16.
- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa persoalan sosiolinguistik bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M Onn, Hashim Hj. Musa, & Abu Bakar Mahmud. (1996). *Tatabahasa dewan* (Edisi Baharu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2004, Mac). Penguasaan bahasa Melayu oleh pelajar Melayu dalam arus globalisasi. *Jurnal Bahasa*, 4 (1), 63-95.
- Norliza Abdullah. (2010, 11 Mac). Memartabatkan bahasa Melayu, Kemnterian proaktif bantu kembangkan kemahiran ke peringkat antarabangsa. *Berita Harian*. Hlm II – III.
- Rosidayu Haji Sabran. (2006). Program televisyen tempatan: Siapakah penentu agenda? Dlm. Naim Haji Ahmad, Siti Suriani Haji Othman, & Noor Adzrah Ramlee, *Bicara media 1* (hlm. 57-66). Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Supyan Husain. (2005, Mei). Bahasa SMS bahasa dinamis?. *Dewan Bahasa*. hlm. 42-48.
- Shayon, R. L. (1951). *Television and our children*. New York: Longmans, Green and Co.
- Swingewood. A. (1972). The sociology of the novel. Dlm. Laurenson & A. Swingewood, *The sociology of literature* (hlm. 169-275). London: Paladin.
- T. A. Ridwan. (2004). Peranan budaya dan bahasa Melayu dalam pembinaan sumber daya manusia berkualiti. Dalam Darwis Harahap, & Abdul Jalil Hj. Anuar (Ed.), *Kumpulankertas kerja: Kolokium bahasa pemikiran Melayu dan Indonesia* (hlm. 26-43). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.